



**Jabatan Peperiksaan
Kementerian Pendidikan
Brunei Darussalam**

**Jemputan untuk Permintaan Maklumat (RFI) bagi
Digital Assessment for Student Learning Survey (NILAi)**

Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan sukacita berminat untuk mendapatkan Permintaan Untuk Maklumat (RFI) daripada syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk membekalkan satu sistem pengurusan penilaian dengan keupayaan teknologi adaptif bagi pelaksanaan penilaian berskala besar iaitu *Student Learning Survey (SLS)*. Sistem ini akan digunakan untuk mengukur kecekapan pelajar dalam domain Literasi Bahasa Inggeris, Numerasi dan Sains, berkeupayaan untuk melaksanakan penilaian pelajar, analisis data set yang besar, dan menghasilkan pelbagai laporan di peringkat kementerian termasuk sekolah.

Sistem ini akan membolehkan Kementerian mencapai matlamatnya untuk memastikan pendidikan berkualiti dengan memberikan gambaran yang tepat dan komprehensif tentang kemahiran pelajar. Dengan keupayaan teknologi adaptif, sistem penilaian ini akan disesuaikan dengan kemahiran pelajar, menjadikan penilaian lebih tepat dengan memberikan cerapan tentang prestasi pelajar di pelbagai peringkat. Ianya dijangka memberi manfaat dalam peningkatan keberhasilan pelajar dan gambaran yang lebih baik tentang prestasi keseluruhan sekolah.

Objektif projek ini adalah:

1. Meningkatkan ketepatan dan kecekapan penilaian kebangsaan. Sistem yang dapat menilai kecekapan pelajar dalam literasi, numerasi dan sains dengan cara yang lebih tepat dan boleh dipercayai.
2. Pembelajaran adaptif: Sistem yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran setiap pelajar. Ini akan membantu dalam memberikan maklum balas dan sokongan kepada pelajar untuk meningkatkan lagi hasil pembelajaran mereka.
3. Mempunyai keupayaan analisis data: Sistem yang dapat menilai dan memproses set data yang besar. Ini akan membantu dalam menghasilkan laporan yang boleh digunakan oleh kementerian untuk membuat keputusan berdasarkan data.
4. Meningkatkan kerjasama dan komunikasi: Sistem yang membolehkan kerjasama dan melancarkan komunikasi di antara kementerian, sekolah, dan pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam proses penilaian.

5. Memastikan keselamatan data: Sistem yang dapat memastikan keselamatan data yang dikumpul. Ini akan membantu membina kepercayaan dan keyakinan di kalangan pihak berkepentingan.
6. Mengurangkan beban pentadbiran: Sistem yang dapat membantu meringankan beban tugas-tugas pentadbiran, seperti kemasukan data (*data entry*) dan penjanaan laporan. Ini akan membolehkan guru-guru memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran.

Bagi syarikat yang berminat untuk ikut serta dalam RFI ini, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan *RFI Document* dan *RFI Submission Document* dengan menghantar e-mel kepada **sls.brunei@learn.edu.bn** dengan menggunakan tajuk emel:

“Jemputan untuk Permintaan Maklumat (RFI) bagi Digital Assessment for Student Learning Survey (SLS) (NILAi), Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam”.

RFI Submission Document yang lengkap dalam **format pdf** hendaklah dihadapkan kepada pihak Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan secara **elektronik sahaja** kepada e-mel **sls.brunei@learn.edu.bn** tidak lewat dari **Isnin, 30 Oktober 2023, Jam 2.00 Petang**. Dokumen yang bukan dalam format pdf atau tidak lengkap, tidak akan diterima.



**Examinations Department
Ministry of Education
Brunei Darussalam**

**Invitation for Request for Information (RFI) for
Digital Assessment for Student Learning Survey (NILAi)**

The Examinations Department, Ministry of Education is pleased to invite companies to submit a Request for Information (RFI) document to supply an assessment management system with adaptive technology capabilities for the implementation of large-scale assessment, namely the Student Learning Survey (SLS). The system will be used to measure student proficiency in the domains of English Literacy, Numeracy and Science and capable of implementing personalized student assessments, data analysis and produce various reports at the ministry level including schools.

This system will enable the Ministry to achieve its goal of ensuring quality education by providing an accurate and comprehensive picture of student skills. With adaptive technology capabilities, this assessment system will adapt to student skills, making the assessments more accurate by providing insight into student performance at various levels. It is expected to be beneficial in increasing student performance and provide a better picture of the school's overall performance.

Project objectives are as follows:

1. Improve the accuracy and efficiency of national assessments: The project's main goal is to improve the accuracy and efficiency of the national assessments conducted by the ministry. The new system shall be able to capture students' competencies in literacy, numeracy, and science in a more precise and reliable manner.
2. Enable adaptive learning: The system shall adapt to the learning needs of individual students. This will help in providing personalised feedback and support to students to improve their learning outcomes.

3. Provide data analytics capabilities: The new system shall be able to capture and process large data sets. This will help in generating reports and insights that can be used by the ministry to make data driven decisions.
4. Enhance collaboration and communication: The new system shall allow for seamless collaboration and communication between the ministry, schools, and other stakeholders involved in the assessment process.
5. Ensure data security and privacy: The system shall be designed to ensure the security and privacy of the data collected. This will help in building trust and confidence among stakeholders in the system.
6. Reduce administrative burden: The system shall be able to automate administrative tasks, such as data entry and report generation. This will reduce the burden on teachers and administrators and allow them to focus on teaching and learning.

Interested companies participating in this RFI must first obtain the RFI Document and RFI Submission Document by sending an email to sls.brunei@learn.edu.bn using the email subject:

“Invitation for Request for Information (RFI) for Digital Assessment for Student Learning Survey (NILAi), Examinations Department, Ministry of Education Brunei Darussalam”

The complete RFI Document and RFI Submission Document in **pdf format** must be submitted to the Examinations Department, Ministry of Education **electronically only** to this e-mail sls.brunei@learn.edu.bn no later than **Monday, October 30, 2023, at 2:00 PM**. Documents that are not in pdf format or are incomplete will not be accepted.